

14/10/2001

Dr M mahu Apec bincang isu penganas

Zainudin Isa

SEPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) yang dijadualkan di Shanghai, China minggu depan mampu menjadi platform lebih terbuka dan bebas bagi membincangkan isu penganas antarabangsa.

"Saya harap di Apec nanti kita boleh berbincang dengan terbuka. Kalau tidak bersetuju tak mengapa. Kalau bersetuju bagus.

"Kalau kita dapat kenal pasti sebab dan cara untuk atasi masalah penganas, alangkah baiknya," katanya ketika ditanya harapannya pada persidangan Apec selama dua hari bermula 20 dan 21 Oktober ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Paya Indah Wetlands, di Kuala Langat, dekat sini, semalam, Dr Mahathir berkata, jika semua negara prihatin menghapuskan penganas, cara menanganinya mestilah dikenal pasti supaya lebih berkesan.

Perdana Menteri berkata, pengalaman Malaysia selama 42 tahun menghapuskan penganas boleh dijadikan contoh terbaik dalam konteks menangani isu penganas antarabangsa.

"Tapi kita dapati kejayaan kita bukan kerana tindakan ketenteraan, sebaliknya semasa kita berperang dengan penganas (komunis), kita juga kenal pasti sebab mereka memberontak.

"Antara sebab pada mulanya orang Cina di Malaysia tidak mendapat tempat, tidak menjadi warganegara. Sebab itu Tunku (Abdul Rahman) beri hak kerakyatan kepada kira-kira sejuta orang bukan Melayu.

"Kita juga beri beberapa peruntukan dalam Perlembagaan iaitu melindungi bukan saja hak orang Melayu, juga bukan Melayu, termasuk soal kebebasan agama dan peluang mereka mengambil bahagian bersama dalam kerajaan.

"Dengan itu rakyat keturunan Cina memberhentikan sokongan mereka kepada penganas," katanya.

Perdana Menteri juga berharap sidang Apec mampu memberi definisi dan tafsiran lebih jelas mengenai penganas sebenar.

"Kita tahu (Robert) Mugabe dulu ditafsirkan sebagai penganas, kemudian diterima sebagai presiden negara yang merdeka. Jadi, bilakah seseorang itu menjadi penganas dan bilakah ianya tidak jadi penganas, ini perlulah ditentukan," katanya.

Mereka yang dianggap penganas, katanya tidak boleh dibuat secara rambang seperti dibuat hari ini.

"Sebab itu kita nak supaya ditentukan definisi penganas. Kita tidak boleh secara rambang memanggil pejuang kemerdekaan negara sebagai penganas," katanya.

Beliau berkata, selain tafsiran penganas, cara keganasan yang dilakukan juga perlu ditafsirkan dengan jelas.

"Kalau nak mengganas, nak melawan pasukan tentera yang nak menyerang kita, itu memang perkara biasa.

"Tapi kalau kita letupkan diri kita dalam pasar raya di mana tiada seorang pun tentera di situ dan orang awam mati, itu adalah tindakan mengganas walaupun mereka memperjuangkan kemerdekaan negara mereka.

"Demikian juga meletupkan pesawat dengan penumpang dan dengan orang lebih 6,000 dalam bangunan, itu juga mengganas," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua pihak perlu melihat sebab yang membawa kepada tindakan luar biasa dan berani mati penganas dengan membunuh diri dan membuat serangan yang amat dahsyat.

"Pada saya salah satu sebabnya ialah masalah Palestin yang lebih 50

tahun tidak selesai. Ramai rakyat Palestin diusir, dibunuh, rumah mereka diruntuh dan macam-macam tindakan kejam.

"Demikian juga di Chechnya, di mana seluruh ibu kota musnah sama sekali dan rakyat Chechen dibunuh. Demikian juga rakyat Iraq yang menjadi mangsa.

"Semua ini perlu diberi perhatian dan diatasi. Saya yakin, kalau kita dapat selesaikan perkara ini, kita dapat kurangkan keganasan," katanya.

(END)